



**INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEP)**
www.ijepc.com



**KAJIAN HUBUNGKAIT ANTARA AMALAN DAN KESEDARAN
PEMBACAAN AL-QURAN DALAM KALANGAN PELAJAR
SEMESTER AKHIR POLITEKNIK MUADZAM SHAH**

*UNDERSTANDING THE RELATIONSHIP BETWEEN PRACTICE AND
AWARENESS OF QURAN RECITATION AMONG FINAL SEMESTER STUDENTS
OF POLYTECHNIC MUADZAM SHAH: ACASE STUDY*

Rohani Abd Razak^{1*}, Norazmira Wati Awang²

¹ Department of General Study, Politeknik Muadzam Shah

Email: rohani.abdrizak@pms.edu.my

² Department of Mechanical Engineering, Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin

Email: norazmira@pmsza.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 28.04.2022

Revised date: 15.05.2022

Accepted date: 16.06.2022

Published date: 28.06.2022

To cite this document:

Abd Razak, R., & Awang, N. W. (2022). Kajian Hubungkait Antara Amalan Dan Kesedaran Pembacaan Al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Semester Akhir Politeknik Muadzam Shah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (46), 527-536.

DOI: 10.35631/IJEP.746039

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



Abstrak:

Amalan membaca al-Quran merupakan satu ibadah dan dituntut dalam Islam. Namun begitu golongan pelajar hari ini memandang enteng pembelajaran al-Quran dan lebih fokus kepada bidang akademik serta kurang fasih dalam pembacaan al-Quran. Justeru, kajian ini mengupas tentang amalan dan kesedaran pelajar Politeknik Muadzam Shah (PMS) terhadap kepentingan membaca al-Quran dalam kehidupan sehari-hari. Tujuan kajian ini dijalankan untuk melihat faktor demografi serta hubungkait terhadap amalan dan kesedaran pembacaan al-Quran. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk penyelidikan deskriptif yang menggunakan soal selidik. Seramai 239 orang responden yang merupakan pelajar semester akhir bagi setiap jabatan. Analisis kajian dibuat dengan menggunakan perisian IBM SPSS (Statistical Packages for the Social Sciences) versi 24.0. Dapatkan kajian melalui ujian-T menunjukkan tidak wujud perbezaan antara pembolehubah amalan dan kesedaran berdasarkan jantina dan program pengajian pelajar. Walaubagaimanapun, analisis korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara amalan pembacaan al-Quran dengan status khatam al-Quran. Hasil kajian menunjukkan amalan dan kesedaran pembacaan al-Quran di kalangan pelajar PMS berada pada tahap yang tinggi.

Kata Kunci:

Amalan, Kesedaran, Pelajar PMS, Pembacaan al-Quran, Program Pelajar

Abstract:

The practice of reading the Qur'an is an act of worship and is required in Islam. However, students nowadays disdain the learning of the Qur'an and focus more on the academic besides being less fluent in reading the Qur'an. Thus, this study examines the practice and awareness of Muadzam Shah Polytechnic (PMS) students on the importance of reading the Quran in daily life. This study aims to look at the demographic factors and its relation to the practice and awareness of reading the Qur'an. The method used in this study is descriptive research using questionnaires. A total of 239 respondents were involved comprising final semester students from each department. The analysis of the study was done using IBM SPSS software (Statistical Packages for the Social Sciences) version 24.0. The findings of the study through T-test showed that there was no significant difference in the practice and awareness based on students' gender and study program. However, Pearson correlation analysis showed that there was a significant positive relationship between the practice of reading the Quran and the status of completion of the Quran. The results showed that the practice and awareness of reading the Quran among PMS students is at a high level.

Keywords:

Practice, Awareness, PMS Students, The Reading of the Quran, Student Program.

Pengenalan

Al-Quran merupakan Kalam Allah SWT yang Maha tinggi. Ini adalah penting dan manfaat dalam kehidupan kita semua sebagai hambaNya dan wahyunya terpelihara sejak dari dahulu sehingga ke hari kiamat. Wahyu al-Qur'an menegaskan bahwa Nabi SAW diangkat sebagai utusan Allah SWT (Mohd Nawi,2020). Masalah membaca al Quran dalam kalangan pelajar Islam, khususnya di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi merangkumi isu kemahiran lisan dan fasohah, kelancaran membaca, mengaji dengan tajwid yang tepat dan mengaji secara *tadwir* dan *tartil*. Malah , terdapat umat Islam yang telah dewasa di Malaysia mengenali huruf-huruf "hijaiyah" namun masih gagal membaca al-Quran atau diistilahkan "buta al-Quran" (Mohd Faisal, 2008) . Masih terdapat pelajar yang lemah dan gagal dalam membaca al-Quran walaupun potongan ayat yang pendek kerana meraka tidak menguasai perkara asas dalam membaca al-Quran makhraj huruf dan tajwid yang betul (Mohd Zainul Arifien,2006).Melalui kajian yang telah dijalankan oleh Abd Latif (2010), tahap keupayaan pelajar dalam bacaan al-Quran mengikut hukum tajwid yang tepat adalah sederhana iaitu 73.76%.

Sebenarnya, sikap dan tingkah laku pelajar merupakan faktor utama yang memberi kesan kepada tahap kebolehupayaan mereka dalam menguasai pembacaan dengan baik. Antara faktor yang menyumbang kepada pelajar gagal mendapat keputusan yang cemerlang adalah berpunca daripada dalaman pelajar itu sendiri (Awang Had Salleh,1986). Para pelajar ini tidak mempunyai aspirasi dan cita-cita yang tinggi serta kesungguhan dalam memajukan diri dan motivasi yang sangat lemah. Kebanyakan pelajar Islam menunjukkan minat dan sikap yang sederhana terhadap Tilawah al-Quran. Malah program-program al-Quran yang dianjurkan di peringkat sekolah mahupun institusi masih belum berjaya menarik minat pelajar dan membentuk sikap pelajar dalam menghayati nilai-nilai Islam sepenuhnya (Aminah Idris, 1997). Malah kajian yang dijalankan oleh Muhammad Fauzan (2006) mendapati bahawa

kebanyakan pelajar tidak menggemari subjek Pendidikan Islam. Ini berlaku kerana mereka menghadapi kesukaran dalam mengusai bacaan al-Quran dan kurang kesedaran betapa pentingnya kita sebagai umat Islam untuk mengusai kemahiran bacaan al-Quran dan mengamalkan dalam kehidupan seharian. Pelajar akan mengabaikan subjek Pendidikan Islam dan mereka gagal untuk menguasai kemahiran mengaji seperti kemahiran *Fasohah, Makhraj Huruf* dan *Tajwid*. Ini menyebabkan pelajar-pelajar gagal untuk menguasai bacaan al-Quran dengan baik dan lancar. Namun terdapat juga sebilangan pelajar yang lebih menumpukan kecemerlangan akademik dan mengenepikan pengamalan bacaan al-Quran. Kajian yang dijalankan oleh Muhammad (2013) terhadap perbandingan jantina bagi pengamalan pembacaan al-Quran, tiada perbezaan di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan malah dapatan menunjukkan tahap pengamalan pembacaan al-Quran bagi pelajar ini adalah lemah. Justeru peranan guru-guru yang mengajar Pendidikan Islam adalah sangat penting dan mereka perlu mempertingkatkan diri, ilmu dan teknik pengajaran Tilawah al-Quran dan memperkenal kaedah penyampaian yang lebih efektif dan interaktif agar dapat membantu pelajar dalam menguasai Tilawah al-Quran ini (Che Noh, 2009).

Penyataan Masalah

Para pelajar telah diberi penekanan terhadap pengamalan dan pembacaan al-Quran dari zaman kanak-kanak seawal pra-sekolah. Mereka mendapat pembelajaran al-Quran dari guru al-Quran di kampung-kampung atau di sekolah melalui kelas kemahiran J-Qaf. Namun begitu khatam al-Quran di alam persekolahan bukanlah kepastian bahawa mereka terus kekal dalam pengamalan pembacaan al-Quran setelah menyambung pengajian di Institut Pengajian Tinggi. Hasil dapatan Awang (2010) dalam kajiannya menunjukkan tahap kebolehupayaan pelajar UiTM masih lemah dan mereka hanya mengusai teknik bacaan al-Quran dalam aspek-aspek asas sahaja. Hasil temu bual penyelidik secara tidak langsung semasa pelaksanaan tugas bacaan ayat -ayat suci dan praktikal solat , Kursus Pengajian Islam ,60% pelajar membaca ayat-ayat suci al-Quran dengan tidak bertajwid. Terdapat sebilangan (40%) pelajar muslim masih belum fasih dalam bacaan al-Quran dan ada sebahagian pelajar muslim tidak boleh membaca surah-surah terpilih di dalam al_Quran walaupun sistem Pendidikan di Malaysia memang menekankan keperluan penguasaan bacaan al_Quran semenjak di sekolah rendah dan menengah lagi. Rentetan daripada itu, pengkaji terpanggil untuk melakukan kajian ini terhadap pelajar -pelajar semester akhir Diploma di Politeknik Muadzam Shah. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti hubungkait profail ,jantina dan aliran sekolah dengan amalan dan kesedaran pembacaan al-Quran di kalangan pelajar semester akhir Politeknik Muadzam Shah.

Objektif Kajian

1. Mengenal pasti profil pengamalan dan kesedaran pelajar muslim PMS terhadap pembacaan al-Quran.
2. Mengkaji perbezaan jantina dan program pengajian pelajar terhadap amalan dan kesedaran pembacaan al-Quran.
3. Mengkaji hubungkait antara amalan dan kesedaran pembacaan al-Quran dengan aliran sekolah dan status khatam Al-Quran.

Persoalan Kajian

1. Adakah terdapat perbezaan jantina terhadap amalan dan kesedaran pembacaan al-Quran.
2. Adakah terdapat perbezaan program terhadap amalan dan kesedaran pembacaan al-Quran.

3. Adakah terdapat hubungan antara antara amalan dan kesedaran pembacaan al-Quran dengan aliran sekolah dan status khatam Al-Quran?

Hipotesis Kajian

Tiga hipotesis kajian:

H1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan amalan dan kesedaran terhadap pembacaan Al-Quran berdasarkan jantina pelajar.

H2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan amalan dan kesedaran terhadap pembacaan Al-Quran antara program pengajian pelajar.

H3: Tidak ada hubungan yang signifikan antara amalan terhadap pembacaan Al-Quran dan aliran sekolah.

H4: Tidak ada hubungan yang signifikan antara amalan terhadap pembacaan Al-Quran dan status khatam Al-Quran

Kajian Literatur

Untuk mendapatkan bacaan al-Quran, seseorang itu seharusnya menguasai kemahiran lisan, lancar dalam bacaan, mahir dalam fasohah, tajwid, tadwir dan tartil yang betul (KPM, 2004). Setiap umat Islam perlu mentadabbur al-Quran dengan cara belajar membaca dengan betul, memahami setiap makna dalam al-Quran serta mengamalkannya dalam kehidupan seharian (Zakaria, 2014). Kebanyakan pelajar Islam di sekolah, IPTA dan IPTS masih belum dapat menguasai bacaan al-Quran dengan baik dan masalah telah wujud sejak sekian lama. Kajian kes tentang Penguasaan membaca al-Quran yang dijalankan oleh Jabatan Pengajian Islam (1995), mendapatai penguasaan guru-guru pelatih MPBP adalah lemah dan ini sangat membimbangkan. Antara punca kelemahan ini adalah kerana teknik pembelajaran dan pengajaran yang mereka perolehi responden semasa kecil. Hasil kajian Muhammad Farhan (2010) terhadap pembacaan Surah al-Fatiyah ke atas pelajar Politeknik Kuching Sarawak, terdapat masih ramai pelajar yang tidak dapat membaca surah al-Fatiyah dengan baik dan tepat yang mana beliau mendapati pelajar tidak dapat membaca dengan fasohah yang baik (57%) dan lemah dalam tajwid (63%).

Kajian oleh Fadzil (2012) mendapati tetapi tahap kesedaran sangat baik. bacaan al-Quran dalam kalangan pelajar politeknik Port Dickson adalah sangat baik walaupu tahap pengamalan masih dalam tahap sederhana. Hasil kajian Fadzil ini adalah hampir sama dengan keputusan kajian yang dijalankan oleh Wati, (2013) yang dijalankan ke atas pelajar baru Politeknik Kuala Terengganu, yang mana kajian ini mendapati tahap kesedaran pembacaan al-Quran berada pada tahap yang tinggi namun pengamalan tahap yang rendah. Kajian oleh Che Noh (2004) berjudul “Celik al-Quran Dalam kalangan Pelajar Tingkatan Satu Di Zon Pudu Kuala Lumpur” mendapati demografi yang melibatkan, jantina, tempat tinggal dan pendapatan keluarga tidak mempunyai perbezaan yang signifikan dengan celik al-Quran. Walaubagaimanapun penyelidik mendapati bahawa terdapat hubungan signifikan celik al-Quran di kalangan pelajar dengan faktor persekitaran, kemahiran dan konsep kendiri pelajar.

Metodologi Kajian

Reka Bentuk Kajian

Kajian dijalankan dengan menggunakan borang soal selidik bagi mendapatkan maklumat tentang sesuatu keadaan yang berlaku. Kaedah kajian tinjauan adalah bertujuan untuk mengukur pembolehubah-pembolehubah berkaitan dengan sesuatu fenomena tanpa menyaoal pemboleh ubah tersebut wujud (Konting, 2004). Data-data yang diperolehi dari kaedah soal selidik ini dikumpul dan diproses dengan menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science (SPSS 21)*. Analisis ujian-t dan analisis varians sehala (ANOVA) turut digunakan untuk menganalisis dapatan soal selidik bagi kajian ini.

Populasi Dan Sampel Kajian

Kaedah persempelan jenis strata digunakan untuk menghasilkan sampel pelajar dari semua jabatan iaitu JKM, JTMK, JRKV, JPH dan JP. Tujuan persampelan dijalankan secara rawak bagi menentukan sampel yang diwakili dan ini dapat meningkatkan peluang penyelidik memperolehi data yang mewakili populasi serta meningkatkan hasil keputusan yang tepat (Alias,1997; Mohd. Majid 2005). 238 orang responden dipilih daripada keseluruhan populasi untuk menghasilkan saiz sampel minimum yang diperlukan seperti yang dicadangkan oleh Krejcie & Morgan (1970).

Instrumen Kajian

Borang soal selidik merupakan instrumen yang digunakan dalam kajian ini. Soal selidik yang sempurna dapat mengukur dan mengumpul data dengan berkesan (Idris,2010). Maka dalam kajian ini, soal selidik yang dibangunkan adalah ringkas dan tidak memerlukan masa yang lama untuk menjawabnya. Menurut Johari (2003), pengumpulan data dengan soal selidik sebagai alat kajian adalah antara kaedah yang biasa digunakan oleh penyelidik. Dalam kajian ini, satu set soal selidik yang dibahagi kepada 3 bahagian iaitu:Bahagian A: dibentuk untuk mendapatkan maklumat-maklumat demografi responden seperti jantina, jabatan,aliran sekolah, pendidikan ibu bapa,pendidikan awal al-quran , pencapaian khatam al-Quran dan bilangan khatan al-Quran Bahagian B :soal selidik yang memfokuskan kepada amalan pembacaan al-quran di kalangan pelajar Politeknik Muadzam Shah manakala Bahagian C: mengandungi item berkaitan kesedaran pembacaan al-quran di kalangan pelajar semester akhir PMS. Untuk memastikan tahap kebolehpercayaan dan kesahan soal selidik yang digunakan, kajian rintis telah dijalankan pada 30 orang pelajar PMS yang mewakili keseluruhan pelajar semester akhir.

Keputusan dan Perbincangan

Ujian kebolehpercayaan telah dijalankan untuk mengetahui nilai kebolehpercayaan item-item setiap bahagian soalan kajian. Kesemua item yang diukur untuk kajian ini mendapat nilai alpha Cronbach melebihi 0.71. Nilai kebolehpercayaan ini adalah memuaskan kerana nilai kebolehpercayaan berada dalam skala 0.65 hingga 0.95. Responden yang terlibat dalam kajian ini merupakan pelajar semester akhir Diploma PMS yang terdiri daripada 121 orang pelajar lelaki dan 118 orang pelajar perempuan. Jumlah responden yang paling tinggi terdiri daripada pelajar pengajian Diploma Kejuruteraan Mekanikal (26.8%) dan pelajar pengajian Diploma Rekabentuk Visual merupakan jumlah responden yang paling rendah (11.3%).

Dapatan demografik juga menunjukkan bahawa hanya 18 % responden yang mempunyai latar belakang bersekolah aliran agama. Bagi pelajar yang kebiasaannya didedahkan dengan amalan membaca al-Quran dari peringkat sekolah lagi akan mudah untuk mereka mengamalkannya dalam kehidupan. Tahap penguasaan bacaan al-Quran bagi pelajar ini juga adalah sangat baik

kerana mereka telah mendapat bimbingan yang sebaiknya daripada para ustaz dan ustazah dan ini tidak menjadi halangan bagi mereka untuk meneruskan amalan bacaan al-Quran sebagai rutin harian mereka. Namun begitu, hasil kajian juga menunjukkan bahawa majoriti responden (82%) berjaya khatam walaupun sekali. Dapatkan ini menunjukkan tanggungjawab kedua ibu bapa dalam mendidik serta membimbing anak untuk membaca al-Quran sangat penting bagi memastikan mereka tidak tercicir untuk mendapatkan pendidikan yang sempurna. Kebanyakan pelajar, walaupun tidak menghadiri sekolah agama, para ibu bapa mengambil inisiatif yang lain seperti mengajar sendiri anak mereka membaca al-Quran atau menghantar anak mereka di pusat pengajian al-Quran selepas waktu sekolah. Terdapat 15% responden yang berjaya khatam sebanyak 3 kali. Walaupun hanya minoriti responden yang belum berjaya khatam al-Quran, namun ia tidak boleh dianggap remeh dan mereka perlu dibimbing seperti mengadakan kelas bacaan al-Quran di asrama PMS.

Jadual 1: Profil Demografik Responden

	Profile	Penerangan	Frekuensi	Peratus (%)
1	Jantina	Lelaki	121	50.6
		Perempuan	118	49.4
2	Program Pengajian	Rekabentuk Visual	27	11.3
		Kejuruteraan Mekanikal	64	26.8
		Perkaunan	56	23.4
		Pengurusan Pelancongan dan Hospitaliti	49	20.5
3	Sekolah	Teknologi Maklumat	43	18
		Sekolah Agama	43	18
		Sekolah Biasa	196	82
4	Khatam	Ya	196	82
		Tidak pernah	43	18
5	Bilangan khatam Al-Quran	0	43	18
		1	77	32.2
		2	41	17.2
		3	36	15.1

Analisis Keseluruhan Tahap Pengamalan Dan Kesedaran Pelajar Muslim PMS Terhadap Pembacaan Al-Quran.

H1: Tidak Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Amalan Dan Kesedaran Terhadap Pembacaan Al-Quran Berdasarkan Jantina Pelajar.

Hipotesis nul 1 diuji dengan menggunakan ujian-t dan daptan kajian ditunjukkan pada Jadual 2. Berdasarkan jadual, tidak terdapat perbezaan yang signifikan amalan dan kesedaran pembacaan Al-Quran berdasarkan jantina ($T=0.2074$; $P>0.05$). Min skor amalan pelajar lelaki ialah 2.979 adalah lebih tinggi daripada min skor amalan pelajar perempuan (Min=2.950). Ini menunjukkan amalan dan kesedaran pembacaan Al-Quran antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan adalah hampir sama. Oleh itu, Hipotesis 1 (H1) yang menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan amalan pembacaan Al-Quran antara pelajar lelaki dan pelajar

perempuan adalah diterima dan analisa ini juga menjawab kepada persoalan kajian yang pertama.

Jadual 2: Min Dan Sisihan Piawai Tahap Amalan Dan Kesedaran Pembacaan Al-Quran Berdasarkan Jantina Pelajar.

Jantina	Bil.	Min	Sisihan Piawai	Nilai- T	Tahap Signifikan
Lelaki	121	2.979	1.1313		
Perempuan	118	2.950	1.2165	0.2074	0.386

P>0.05

H2: Tidak Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Amalan Dan Kesedaran Terhadap Pembacaan Al-Quran Antara Program Pengajian Pelajar.

Dalam persoalan kajian ke-2, di mana untuk mengkaji sekiranya terdapat perbezaan tahap amalan dan kesedaran pembacaan al-Quran berdasarkan program pengajian pelajar. hipotesis ke-2 (H2) dalam kajian ini menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara amalan dan kesedaran terhadap pembacaan al-Quran dengan program pengajian pelajar. Jadual 3 menunjukkan tahap amalan dan kesedaran terhadap pembacaan al-Quran bagi pelajar aliran teknologi maklumat ($M=3.9291$, $S.P = 0.89790$) Dan Kejuruteraan Mekanikal ($M=3.9211$, $S.P = 0.79325$).

Jadual 3: Taburan Tahap Amalan Dan Kesedaran Terhadap Pembacaan Al-Quran Antara Program Pengajian Pelajar.

Program Pengajian	Bilangan N	Skor Min	Sisihan Piawai
Teknologi Maklumat	43	3.9291	0.89790
Perkaunan	56	3.8795	0.81189
Kejuruteraan Mekanikal	64	3.9211	0.79325
Pengurusan Pelancongan dan Hospitaliti	49	3.9051	0.86428
Rekabentuk Visual	27	3.8223	0.83435
JUMLAH	239	3.8983	0.82266

Untuk menguji hipotesis ini, ujian ANOVA seperti pada Jadual 4 telah dilakukan terhadap data yang diperolehi dan didapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor min amalan dan kesedaran terhadap pembacaan al-Quran antara program pengajian pelajar, oleh itu H2 diterima.

**Jadual 4 : Ujian ANOVA Amalan Dan Kesedaran Terhadap Pembacaan Al-Quran
Antara Program Pengajian Pelajar.**

	Jumlah Kuasa Dua	Darjah Kebesaran	Min Kuasa Dua	Nilai F	Signifikan
Antara Kumpulan	2.6963	4	0.674	0.8825	0.52325
Dalam Kumpulan	189.46	234	0.810		
Total	192.156	238			

H3: Tidak ada hubungan yang signifikan antara amalan terhadap pembacaan Al-Quran dan aliran sekolah.

Hipotesis 3 (H3) dalam kajian ini yang menyatakan tidak ada hubungan yang signifikan antara amalan dan kesedaran terhadap pembacaan Al-Quran dan status aliran sekolah. Untuk menguji hipotesis ini, ujian Korelasi Pearson telah digunakan. Jadual 5 menunjukkan hasil hipotesis dan ini jelas membuktikan bahawa tidak ada hubungan yang signifikan diantara amalan terhadap pembacaan Al-Quran antara aliran sekolah di mana nilai $r = 0.0234$ dan nilai signifikan adalah lebih besar dari 0.05 ($r = 0.2961$, $p > 0.05$).

**Jadual 5:Kolerasi Pearson Diantara Antara Amalan Terhadap Pembacaan Al-Quran
Dan Aliran Sekolah.**

Amalan Terhadap Pembacaan Al-Quran	Aliran Sekolah		
	Pearson Correlation	Sig. (2-Tailed)	N
	0.0234	0.2961	239

*H4: Tidak Ada Hubungan Yang Signifikan Antara Amalan Terhadap Pembacaan Al-Quran
Dan Status Khatam Al-Quran.*

Dalam kajian yang dilakukan, jelas menunjukkan terdapat perkaitan signifikan yang positif diantara amalan terhadap pembacaan al-Quran dengan status khatam al-Quran. ini dapat ditunjukkan melalui Jadual 6, yang ana nilai kolerasi Pearson , $r = 0.0133$ dan nilai signifikan adalah lebih kecil dari 0.05. Pelajar yang telah berjaya menguasai pembacaan al-Quran mempunyai keyakinan yang tinggi untuk membaca al-Quran dan ini menjadikan amalan mereka. Kekerapan membaca Al-Quran ini sangat penting kerana ia dapat membantu dan memperbaiki pembacaan dan dari situ timbul minat dan kesedaran terhadap kepentingan pembacaan Al-Quran. Namun begitu, para pelajar ini masih memerlukan bimbingan bagi memastikan bacaan mereka tepat.

Jadual 6:Kolerasi Pearson Diantara Antara Amalan Terhadap Pembacaan Al-Quran Dan Status Khatam Al-Quran

		Status Khatam
Amalan Terhadap Pembacaan Al-Quran	Pearson Correlation	0.01333
	Sig. (2-Tailed)	0.00478
	N	239

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, kajian ini meneliti amalan dan kesedaran pembacaan al-Quran di kalangan pelajar-pelajar diploma tahun akhir Politeknik Muadzam Shah. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa perbezaan jantina dan program pelajar tidak mempengaruhi amalan dan kesedaran pembacaan al-Quran walaubagaimanapun terdapat hubungan yang positif antara amalan pembacaan al-Quran dengan status khatam. Hasil penyelidikan ini menujukkan amalan dan kesedaran pembacaan al-Quran di kalangan pelajar PMS berada pada tahap yang tinggi. Pengkaji berpendapat program-program membudayakan al-Quran perlu diteruskan dan dipergiatkan kepada pelajar yang masih menuntut di PMS. Kajian seperti ini seharusnya dilakukan di pusat pendidikan lain bagi memantau dan mengenalpasti tahap kesedaran dan pengamalan al-Quran di kalangan pelajar di pusat pendidikan tersebut.. Kemungkinan dapatan yang diperolehi berbeza berdasarkan latar belakang institusi dan program pengajian yang ditawarkan.. Dapatkan kajian ini juga boleh membantu para pensyarah terutamanya pensyarah pendidikan Islam merancang dan mempergiatkan aktiviti keagamaan yang boleh menyumbang kelancaran pembacaan al-Quran di kalangan pelajar dan seterusnya mempertingkatkan amalan bacaan al-Quran dalam kehidupan seharian pelajar.

Rujukan

- Awang, A., Mat, A. C., Nazuki, A., & Yaakub, M. (2011). Tahap pembacaan Al-Quran dalam kalangan pelajar di UiTM Terengganu. *AJTLHE: ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 3(2), 83-100.
- Awang, A. (1986). Kaedah Kaunseling Yang Kemaskini. In *Kertas Kerja. Seminar Kedua Kaunseling Dalam Konteks Pencapaian Akademik Pelajar Bumiputera di Tanahair*. Penang: Universiti Sains Malaysia
- Awang, A. (1986). Kaedah Kaunseling Yang Kemaskini. In *Kertas Kerja. Seminar Kedua Kaunseling Dalam Konteks Pencapaian Akademik Pelajar Bumiputera di Tanahair*. Penang: Universiti Sains Malaysia
- Dalip, A. R. (1998). Teknik pengajaran dan pembelajaran agama Islam di Sekolah Menengah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fadzlina Fadzil& Nurulazidah Jaafar (2012). *Kajian Pengamalan dan Kesedaran Pembacaan Al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Muslim Politeknik Port Dickson Negeri Sembilan*. Prosiding Seminar Pendidikan Politeknik 2012.
- Idris, A. (1997). Penilaian Program Tilawah al-Quran Sekolah Menengah Rendah.
- Idris, N.(2010). Penyelidikan Dalam Penyelidikan, Kuala Lumpur: Mc Graw Hill
- Jabatan Pengajian Agama Islam,(1995), Satu Kajian Kes Mengenai *Penguasaan Membaca Al-Quran Guru Pelatih MPBP dari Kelantan*, Kota Bharu:Kelantan
- Konting, M. M. (1990). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and psychological measurement*, 30(3), 607-610.
- Menengah, S. P. K. B. S. (2000). Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Mohd Faisal, Mohammad Zawawi & Rahimi. 2008. *Celik al-Quran: Cabaran dan Realiti Dalam Pendidikan Islam* di Sekolah. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Mohd, M. Z. A. (2006). Kaedah Pembelajaran Tajwid dan Hafazan al-Quran.
- Muhammad D.Sensa (2006) .Quranic Quotient Membentuk Kecerdasan daripada Al-Quran.Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn.Bhd.
- Muhammad Farhan Ismail & Siti Nurfarhana Zakaria.(2010). Kajian Pembacaan Surah Aal-Fatihah Di Kalangan Pelajar Politeknik Kuching Sarawak, *Prosiding Seminar Transformasi Pendidikan Teknikal (myTEDT10)*.
- Nawi, M. Z. M. (2020). Pelaksanaan Tarbiah Islamiah Pada Zaman Rasulullah saw di Mekah dan Madinah: Satu Sorotan (The Implementation of Islamic Education during Prophet Muhammad saw Era in Mecca and Medina: A Review). *UMRAN-International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 7(3), 27-43.
- Nawi, M. Z. M., Nor, M. A. M., Omar, M. R., & Muhamad, N. (2021). Pembacaan Al-Quran dalam Pendidikan Masa Kini: Satu Tinjauan Umum. *Al-Turath Journal Of Al-Quran And Al-Sunnah*, 6(1), 43-55.
- Noh, M. A. C. (2004). Celik Al-Qur'an di kalangan Pelajar Tingkatan Satu Zon Pudu Kuala Lumpur. *Projek Penyelidikan Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Noh, M. A. C., & Tarmizi, R. A. (2009). Persepsi Pelajar Terhadap Amalan Pengajaran Tilawah Al-Quran (Students' Perception Toward Teaching Tilawah Al-Quran). *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(1), 93-109.
- Shihab, M. Q. (2007). *Ensiklopedia Al-Quran*, Jakarta: Lentera Hati,
- Wahid, M. F. A. (2006, October). Meningkatkan kemahiran membaca al-quran menerusi latihan amali & tasmik al-quran. In *Kertas Kerja Seminar Penyelidikan Pendidikan Pensyarah IPBA* (Vol. 9, pp. 19-29).
- Wati binti Mohamad (2012). *Kajian Pengamalan Dan Kesedaran Pembacaan al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Baru Politeknik Kuala Terengganu*. Prosiding CiE-TVET 2013.
- Zakaria, R. B., Fuad, Z., & Rasdi, M. N. A. (2014, December). Implikasi tadabbur Al-Quran dalam pembentukan insan yang berkualiti di sudut akhlak. In *International Conference on Postgraduate Research*.